

18/11/2003

Mahathir puji usaha keras Pak Lah

Norbakti Alias; Johari Ibrahim; Faiza Zainudin

ALOR STAR: Usaha keras Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk meneruskan pembangunan negara sejak menjawat jawatan itu pada 31 Oktober lalu mendapat pujian Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata, beliau melihat Abdullah begitu rajin melaksanakan tugas termasuk melakukan lawatan ke seluruh negara walaupun pada bulan Ramadan.

"Saya nampak dia (Abdullah) begitu rajin buat lawatan ke merata tempat walaupun pada bulan puasa.

"Ini membuktikan dia berasa bertanggungjawab untuk meneruskan pembangunan negara kita," katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, untuk lawatan singkat ke kawasan Parlimen Kubang Pasu, semalam. Isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut serta.

Kepulangan Dr Mahathir semalam adalah yang pertama ke Kedah selepas melepaskan jawatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata sehubungan itu, kepimpinan Abdullah perlu disokong oleh semua pihak supaya penggantinya itu dapat mencapai kejayaan untuk kesejahteraan rakyat.

Beliau mengulas ketika ditanya sama ada Abdullah meminta nasihatnya ketika bercuti di luar negara selepas bersara daripada jawatan Perdana Menteri.

Mengenai sambutan rakyat terhadap kepulangannya, Dr Mahathir berkata beliau terharu kerana masih dihargai walaupun tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

"Alhamdulillah sebab masih ada orang keluar dan sambut dan saya anggap ini sebagai petanda yang baik untuk Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

"Walaupun seseorang itu tidak ada kuasa mereka masih memberi sokongan," katanya.

Beliau juga berkata, sambutan terhadapnya itu membuktikan rakyat menghargai apa yang dilakukan kerajaan pimpinan Umno dan bersyukur.

Dr Mahathir juga berkata, beliau akan membantu jentera pilihan raya BN Kedah pada pilihan raya akan datang sebagai membalas budi mereka yang membantunya ketika menjadi Perdana Menteri.

"Saya rasa bertanggungjawab untuk memberi penjelasan kepada rakyat supaya mereka tidak dikelirukan oleh orang yang berkepentingan," katanya yang menolak pelawaan sebagai Pengarah Pilihan Raya BN Kedah tetapi akan membantu kempen apabila tiba masanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan, keadaan politik di Kedah bertambah baik berbanding Pilihan Raya Umum 1999 yang menyaksikan ada pihak memperalatkan suatu peristiwa untuk mengelirukan rakyat termasuk ahli Umno.

Mengenai kenyataan Ketua Penerangan Pas, Datuk Dr Haron Din, bahawa parti itu akan mudah menawan Kedah kerana Dr Mahathir tidak lagi bertanding, beliau berkata, Pas sebenarnya keliru dan tidak mempunyai kebolehan untuk mentadbir negara.